



JAWATAN KOSONG
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Terengganu yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan berikut :-

1. **JAWATAN** : **PEGAWAI TADBIR**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN / GAJI : **N9**
BILANGAN KEKOSONGAN : **1 (SATU)**

2. **JADUAL GAJI GRED N9** :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

3. **ELAUN** : Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 300.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM 300.00

4. **TARAF JAWATAN** : **TETAP**

5. **SYARAT LANTIKAN** Calon-calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

6. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN** Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

8. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

9. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab merancang, menggubal, mengurus, menyelaraskan, melaksanakan dan menilai dasar dan peraturan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran organisasi termasuklah pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta penyelidikan dan pembangunan pengurusan.

CARA MEMOHON

i) Guna Borang

Calon-calon yang berminat boleh memohon menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun melalui laman web Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di alamat <https://bit.ly/pegawaitadbirN9>

ii) Nama jawatan hendaklah ditulis di :
bahagian atas sebelah kiri sampul surat
dan dihantar kepada

**PENGARAH
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA
TERENGGANU,
JALAN SULTAN OMAR,
20300 KUALA TERENGGANU**

iii) Tarikh Tutup Permohonan :

28 FEBRUARI 2026

iv) Borang permohonan hendaklah :
disertakan dengan dokumen-dokumen
berikut :-

- i) Gambar berukuran pasport (warna) ;
- ii) Salinan sijil kelahiran dan kad pengenalan yang disahkan ;
- iii) Salinan sijil pelajaran yang disahkan ;
- iv) Salinan kad pengenalan bapa sekiranya pemohon lahir di luar Terengganu yang disahkan.

Catatan:

- i) Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii) Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di talian 09-6249355/57/58 Samb. 169

**TARIKH : 12 FEBRUARI 2026
BERSAMAAN : 24 SYAABAN 1447H**